

BAHAGIAN A ISLAM DAN KONSEP-KONSEP ASAS

BAB 1 ISLAM SEBAGAI CARA HIDUP (MINGGU 1)

PENGERTIAN ISLAM, IMAN DAN IHSAN

- **Dari sudut bahasa, Islam berasal daripada perkataan bahasa Arab, iaitu salima yang bermaksud selamat, sentosa dan kedamaian.**
- **Ia juga bermaksud menyerah diri, tunduk, patuh dan taat. Islam berbeza daripada agama lain yang ada di muka bumi kerana perkataan Islam tidak mempunyai hubung kait sama ada dengan individu-individu golongan-golongan mahupun tempat-tempat tertentu**

PENGERTIAN ISLAM

- **Definisi Islam mengikut istilah syarak ialah patuh dan menyerah diri kepada Allah s.w.t dengan penuh kesedaran dan kerelaan tanpa paksaan.**
- **Islam juga ialah peraturan hidup, peraturan bersifat integral yang mengatur hidup dan kehidupan manusia, menjadi dasar akhlak mulia sebagaimana yang disampaikan oleh nabi Muhammad s.a.w.**

PENGERTIAN IMAN

- **Erti Iman (???) secara harafiah dalam Islam adalah berarti percaya kepada Allah.**
- **Dengan itu orang yang beriman adalah ditakrifkan sebagai orang yang percaya (mukmin).**
- **Siapa yang percaya maka dia dikatakan beriman. Perkataan Iman (???) diambil dari kata kerja 'aamana' (???) -- yukminu' (? ????) yang berarti 'percaya' atau 'membenarkan'.**

PENGERTIAN IMAN

- **Iman ialah membenarkan dengan hati, menyatakan dengan lisan, dan melakukan dengan anggota badan.**
- **Ringkasnya orang yang beriman ialah orang yang percaya, mengaku dan beramal. Tanpa tiga syarat ini, seseorang itu belumlah dikatakan beriman yang sempurna.**
- **Ketiadaan satu sahaja dari yang tiga itu, sudah lainlah nama yang Islam berikan pada seseorang itu, iaitu fasik, munafik atau kafir.**

PENGERTIAN IHSAN

- **Ihsan itu ialah bahawa "kamu menyembah Allah seolah-olah kamu melihat-Nya, tetapi jika kamu tidak melihat-Nya, maka sesungguhnya Dia melihat kamu."**
- **(Pengertian berdasarkan hadith riwayat Muslim daripada Umar bin Khattab) Yakni, mengabdikan diri kepada Allah hendaklah dengan perasaan seolah-olah anda melihat-Nya dan jika anda tiada perasaan melihat kepada-Nya, maka hendaklah anda merasa bahawa Allah melihatmu. Maksudnya: ikhlas dalam beribadah atau ikhlas melaksanakan Islam dan Iman**

KONSEP ISLAM SEBAGAI AL-DIN

- Merujuk kepada satu sistem hidup yang lengkap.
- Merangkumi hubungan manusia dengan Allah, manusia dan alam.

ASAS-ASAS SYARIAT ISLAM

Aqidah : yang bermaksud ikatan atau simpulan.

Iman dan aqidah mempunyai pengertian yang sama.

Asas aqidah adalah tauhid.

Perkara-perkara yang membatalkan Aqidah :

- Menghina Islam melalui kata-kata.
- Melalui perbuatan.
- Melalui i'tiqad (pegangan hati).

ASAS-ASAS SYARIAT ISLAM (samb)

Tauhid Rububiyyah

- Rububiyyah berasal daripada perkataan Rabb (??). Dari segi istilah syara', Tauhid Rububiyyah bermaksud mentauhidkan Allah pada yang mencipta alam, mengurus dan mentadbirkannya, memiliki, memelihara, menghidup, mematikan dan seterusnya, di mana terkandung di dalamnya juga beriman dengan qadar.

ASAS-ASAS SYARIAT ISLAM (samb)

Tauhid Uluhiyyah

- Iaitu dengan ikhlas memberikan kepada Allah, dengan *mahabbah* (cinta) kepadaNya, *khauf* (takut) kepadaNya, *raja'* (pengharapan), tawakal dan *raghbah* (keinginan) dan *rahbah* (kegerunan) hanya kepada Allah. Bahawa semua itu dibina dengan ibadat yang ikhlas zahir dan batinnya kepada dan kerana Allah.
- Tidak ada sekutu bagiNya, tidak dijadikan ibadat itu kepada selainNya. Seterusnya menerima segala hukum dengan yakin dan redha

ASAS-ASAS SYARIAT ISLAM (samb)

Tauhid Al-Asma' was Sifât

- Iaitu percaya dan mengakui segala nama dan sifat Allah SWT secara ijmal dan tafsil menurut apa yang telah diberitahu di dalam Al-Quran dan oleh Rasulullah SAW.
- Allah mempunyai Al-Asma'ul Husna (nama-nama yang paling baik) dan segala sifat kesempurnaan Maha Suci daripada segala kekurangan

ASAS-ASAS SYARIAT ISLAM (samb)

Tauhid Al-Asma' wa Sifât

- Sifat ini tidak memadai untuk membuktikan keIslaman dan menyatakannya, tetapi mestilah melaksanakan apa yang lazimnya terkandung di dalam Tauhid Rububiyah dan Uluhiyyah.
- Ini kerana orang-orang kafir juga mengakui beberapa sifat dan nama Tuhan tetapi tidak dengan cara yang sebenar, seperti mengakui beberapa nama Allah dan menafikan nama Ar-Rahman .

ASAS-ASAS SYARIAT ISLAM (samb)

- Syariah ialah apa yang diturunkan kepada manusia melalui Nabi Muhammad. Terkandung segala aspek mengenai peraturan dan cara hidup.
- Konsep Ibadah terbahagi kepada Umum dan Khusus.
- Muamalat, dari segi bahasa interaksi dengan orang lain. Istilah, ia merupakan perhubungan sosial dalam bentuk ekonomi atau bukan.
- Munakahat ialah satu sistem kekeluargaan Islam.
- Jinayat membincangkan berkenaan dengan perundangan Islam.

ASAS-ASAS SYARIAT ISLAM (samb)

- Akhlak iaitu budi pekerti, kelakuan, watak.
- Skop akhlak dalam Islam merangkumi dari sudut :
 - Akhlak dengan Allah.
 - Akhlak sesama manusia.
 - Akhlak sesama masyarakat.
 - Akhlak terhadap makhluk selain manusia.

MAQASID AL-SYARIAH

- Ia adalah tujuan-tujuan syariah. Di mana setiap hukum yang ditentukan mempunyai tujuan dan matlamatnya. Di antaranya ialah untuk memberi masalah (manfaat) dan menolak mudharat kepada manusia.
- Masalah (manfaat) terbahagi kepada tiga :
 - Masalah Dharuriyat (masalah asasi)
 - Masalah Hajiyat (masalah keperluan)
 - Masalah Tahsinat atau Kamalat

TASAWWUR ISLAM

- Iaitu keistimewaan dan ciri-ciri khusus yang tidak terdapat pada mana-mana agama lain.
- Rabbani (ketuhanan)
- Thabat wa Murunah (tetap dan anjal)
- Waqi'ah (realistik)
- Tawazun dan wasatiyah
- Syumul (menyeluruh)
- Alamiyyah (sejagat)

PANDANGAN SEMESTA ISLAM

- Allah mempunyai kekuasaan dan kehendak (Iradah) tanpa paksaan dan arahan daripada sesiapaapun untuk mencipta manusia dan alam semesta.
- Semua ciptaan (makhluk) terutamanya manusia dan alam ini tertakluk kepada peraturan Allah
- Allah sebagai pencipta yang mutlak, berhak menentukan sesuatu terhadap kedua-duanya.
- Matlamat akhir manusia adalah kehidupan akhirat..

KONSEP ILMU DAN NILAI DALAM ISLAM

- Ilmu ialah pengetahuan, kepandaian.
- Semua ilmu adalah milik Allah. Dan diberikan kepada manusia mengikut hirarki tertentu :
 - Wahyu : sumber utama ilmu kepada manusia melalui perantaraan RasulNya.
 - Ilham : ialah satu tanggapan emosi yang terbit dalam hati. Ia tidak diterima oleh semua orang. Ia juga dikenali sebagai Ilmu Laduni.

- Intuisi : tanggapan akal secara langsung tanpa berfikir.
- Akal : yang membezakan manusia dengan makhluk ciptaan Allah yang lain.
- Pancaindera.

Aksiologi bermaksud teori dan sistem nilai.

Dalam Islam, sistem ini terbahagi kepada lima kategori iaitu Fardhu atau Wajib, Sunat atau Matlub, Harus atau Mubah, Makruh dan Haram.

KONSEP JIHAD DALAM ISLAM

- Pengertian Jihad dari sudut bahasa ialah bersungguh-sungguh. Manakala dari sudut istilah, diertikan dengan pelbagai maksud. Firman Allah yang bermaksud “ ..dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah..” (Al-Taubah 41)
- Sejarah Jihad pada zaman Rasulullah :
 - Utk menolak kezaliman.
 - Utk menghalang kerosakan.
 - Utk bertindak balas.
 - Utk mempertahankan diri.

KONSEP JIHAD DALAM ISLAM (samb)

- Bahagian Jihad
 - Jihad memerangi musuh Allah dari golongan syaitan dan orang kafir.
 - Jihad Amar Maa'ruf Nahi Mungkar.
 - Jihad melawan hawa nafsu dengan membersihkan jiwa dan mensucikan hati.

KONSEP JIHAD DALAM ISLAM (samb)

- Unsur-unsur Jihad
 - Hijrah, yaitu perubahan dari satu keadaan kepada keadaan yang lebih baik.
 - Perjuangan, berjuang bersungguh-sungguh dengan usaha untuk mencapai matlamat.
 - Perngorbanan dari segi diri sendiri, masa, tenaga, harta dan sebagainya.
 - Syahid.